

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : ISNIN, 2 NOVEMBER 2015
RUJUKAN : L5 [PR-1333-L70316]
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan unit dalam projek-projek perumahan yang dibina dan kriteria untuk memilih para pemohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sehingga kini terdapat sebanyak 29,154 unit rumah mampu milik di bawah Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang merangkumi kategori sama ada telah siap dibina, dalam pembinaan dan telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan (DO). Daripada jumlah tersebut, 8,408 unit daripadanya adalah di bawah program PPA1M manakala 20,746 unit lagi adalah di bawah program RUMAWIP.

Bagi kategori perancangan pula, sebanyak 28,194 unit masih di peringkat pertimbangan mendapat kelulusan Perintah Pembangunan. Selain itu, terdapat juga 9,060 unit yang masih di peringkat cadangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 66,408 unit atau 83% daripada sasaran keseluruhan sebanyak 80,000 unit RUMAWIP di Wilayah Persekutuan. Kaedah perancangan dan pelaksanaan projek-projek ini dibuat menerusi kaedah usaha sama dan juga inisiatif swasta.

Laporan keseluruhan program RUMAWIP dan PPA1M di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Program	Siap Dibina/ Pembinaan/ DO	Perancangan/ Pertimbangan	Cadangan	Jumlah
RUMAWIP	20,746	10,774	9,060	40,580
PPA1M	8,408	17,420	-	25,828
Jumlah Keseluruhan	29,154	28,194	9,060	66,408

Kriteria bagi pemilihan para pemohon dan proses tapisan adalah berdasarkan daripada syarat-syarat kelayakan yang telah dinyatakan di dalam Dasar RUMAWIP, antaranya seperti warganegara Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun, telah bermastautin atau menetap di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari 3 tahun dan had pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM10,000 sebulan memandangkan kediaman yang ditawarkan berharga dari RM150,000 sehingga RM300,000 seunit.

Selain itu, pembeli juga terikat dengan sekatan kepentingan iaitu moratorium selama 10 tahun bagi menjamin kepentingan agar hanya golongan sasaran iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah sahaja yang boleh membeli rumah berkenaan.